

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	<p>PRULink Dragon Peacock Fund adalah dana yang bermatlamat untuk memaksimumkan jumlah pulangan jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti dalam syarikat-syarikat yang diperbadankan atau tersenarai di, atau beroperasi terutamanya dari, atau menjalankan perniagaan yang penting di, atau memperoleh pendapatan yang besar daripada, atau yang anak-anak syarikat, syarikat berkait atau syarikat bersekutunya memperoleh pendapatan yang besar dari Republik Rakyat China (PRC) dan India.</p> <p>Pada permulaan penubuhannya, PRULink Dragon Peacock Fund akan melabur dalam subdana yang dikenali sebagai Eastspring Investments – Dragon Peacock Fund yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited. Pelaburan Subdana termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti tersenarai di Pasaran Diiktiraf, resit depositori termasuk Resit Depositori Amerika (ADRs) dan Resit Depositori Global (GDRs), sekuriti hutang yang boleh ditukar kepada saham biasa, saham keutamaan dan waran.</p> <p>Dana ini mungkin melabur dalam mana-mana dana atau subdana yang diurus oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited atau mana-mana pengurus dana yang ditentukan dari masa ke semasa.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan Melabur dalam ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti syarikat-syarikat melalui skema pelaburan kolektif, lazimnya Eastspring Investments – Dragon Peacock Fund, yang ditubuhkan di Luxembourg. Ekuit-ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti tersenarai di Pasaran Diiktiraf, resit depositori termasuk Resit Depositori Amerika (ADRs) dan Resit Depositori Global (GDRs), sekuriti hutang yang boleh ditukar kepada saham biasa, saham keutamaan dan waran.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Proses pelaburan menggunakan proses penilaian, penyelidikan dengan konstruksi portfolio yang disiplin pada asasnya. Fokus asasnya adalah pada pemilihan stok, yang selalunya terbukti sebagai punca pulangan lebihan. Terdapat dua langkah dalam proses: Pilihan stok dan pembinaan portfolio. Kerja penyelidikan dan penilaian akan fokus pada pemahaman dorongan jangka masa panjang nilai syarikat-syarikat yang diikuti. Konstruksi portfolio adalah berbeza dari pemilihan stok dengan objektif eksplisit untuk memaksimumkan pulangan untuk suatu bajet risiko. Proses kajian semula dan maklum balas adalah untuk memastikan portfolio kekal “true to label” untuk kepercayaan dan proses pelaburan serta memastikan portfolio tersebut adalah patuh dengan semua mandat, dari semua aspek</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV ke dalam Dana-Sub yang ditetapkan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	50% MSCI China Index + 50% MSCI India Index <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.msci.com.</i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRULink Dragon Peacock Fund Vs. 50% MSCI China & 50% MSCI India Index



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Dragon Peacock Fund	Piawaian Prestasi 50% MSCI China Index + 50% MSCI India Index
2011	-25.11%	-25.75%
2012	16.46%	20.68%
2013	4.61%	7.81%
2014	19.00%	23.91%
2015	15.47%	15.60%
2016	8.36%	4.60%
2017	27.31%	32.16%
2018	-9.78%	-10.96%
2019	12.11%	14.59%
2020	14.99%	21.56%

*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Maklumat tambahan untuk PRULink Dragon Peacock Fund

PRULink Dragon Peacock Fund dilabur ke dalam Eastspring Investments – Dragon Peacock Fund.

Pengurus dana Eastspring Investments – Dragon Peacock Fund adalah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana-Sub. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana-Sub. Dana-Sub dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana-Sub yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011
Pretasi Bersih	19.74%	15.54%	-10.42%	44.15%	5.55%	-4.08%	13.73%	-0.97%	23.96%	-27.50%

Nota: Pulangan atas adalah bagi Eastspring Investments - Dragon Peacock Fund (Class D)

Sumber: Eastspring Singapore, 31 Disember 2020

Pulangan adalah berdasarkan harga unit pihak ketiga, nilai bersih tanpa yuran dengan dividen dilabur, jika ada, dan dilaporkan dalam USD.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko Pasaran Baru Muncul

Dana melabur terutamanya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat-syarikat yang diperbadankan, tersenarai atau menjalankan aktiviti utamanya di pasaran baru muncul. Bakal pelabur hendaklah menyedari bahawa pelaburan dalam pasaran baru muncul boleh melibatkan tahap risiko yang lebih tinggi yang boleh menjejaskan nilai pelaburan mereka berikutan proses perkembangan ekonomi dan politik yang sedang dihadapi oleh sesetengah negara ini. Antara lainnya, pelaburan dalam pasaran baru muncul melibatkan risiko seperti sekatan ke atas pelaburan asing, risiko kaunterparti, kemaruhan pasaran yang lebih tinggi dan ketakcairan aset syarikat bergantung pada keadaan pasaran dalam pasaran baru muncul. Tambahan pula, syarikat mungkin tertakluk kepada pengawasan negara dan perundangan terbeza yang kurang. Pelabur perlu mengambil kira bahawa jumlah dagangan dalam pasaran baru muncul mungkin kurang daripada pasaran saham utama dunia dan mungkin perlu diurusniagakan pada harga yang tidak menguntungkan.

Untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini, Pengurus Pelaburan akan mengguna pakai piawaian untuk memastikan hanya pelaburan yang berkualiti dibeli.

Risiko Portfolio

Dana adalah untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam jenis sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelabur dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, termasuk turun naik harga pasaran, maklumat yang negatif mengenai penerbit dan pasaran dan hakikat bahawa kepentingan ekuiti dan berkaitan ekuiti adalah kurang penting dalam hak pembayaran berbanding dengan sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelabur dalam sekuriti pendapatan tetap akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang, penyertaan pinjaman dan sekuriti derivatif. Selain itu, pelabur juga hendaklah menyedari mengenai risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka digunakan oleh Dana. Pelaburan dalam Dana bukan merupakan program pelaburan lengkap. Pelabur mungkin mahu melengkapinya dengan pelaburan dalam Dana dengan pelaburan jenis lain.

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana-Sub. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Pelaburan dasar Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

berbeza daripada mata wang Dana Sasaran atau Dana-Sub. Prestasi Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran atau Dana-Sub.

Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana-Sub, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran atau Dana-Sub ini. Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran atau Dana-Sub ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran atau Dana-Sub.

Risiko Politik dan/atau Kawal Selia

Nilai aset Dana mungkin dipengaruhi oleh ketaktentuan seperti perkembangan politik, perubahan dalam dasar-dasar kerajaan, perubahan dalam percukaian, sekatan ke atas pelaburan asing dan penghantaran pulang mata wang, turun naik mata wang dan perkembangan lain dalam undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana pelaburan mungkin dibuat. Tambahan pula, rangka asas undang-undang serta piawai perakaunan, pengauditan dan pelaburan di negara-negara tertentu di mana pelaburan dibuat mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan pelabur atau maklumat kepada pelabur yang sama seperti yang biasanya disediakan dalam pasaran sekuriti utama. Sekatan pemilikan asing dalam sesetengah pasaran boleh bermakna bahawa kelayakan tindakan korporat berkaitan dengan pelaburan Dana mungkin tidak sentiasa diperolehi atau mungkin terbatas.

Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan dalam harga pasaran pelaburan. Perubahan itu mungkin khusus kepada sekuriti individu atau penerbitnya atau faktor-faktor yang mempengaruhi semua sekuriti yang diniagakan dalam pasaran atau gabungan kesemuanya. Ia boleh disebabkan oleh pelbagai faktor, antara lainnya, pergerakan kadar faedah, pemeruapan saham, kadar pertukaran asing dan harga saham. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam portfolio sekuriti yang cukup terpelbagai daripada sektor pasaran yang berbeza. Langkah ini boleh menolong mengurangkan risiko ini supaya kejatuhan mana-mana satu sekuriti atau mana-mana satu sektor pasaran tidak akan mendatangkan kesan yang terlalu besar ke atas nilai dana.

Risiko Kaunterparti

Dana akan terdedah kepada risiko kredit ke atas kaunterparti yang dengannya ia mengurus niaga. Dana ini akan tertakluk kepada kemungkinan ketidakmampuan bayar, kemuflihan atau keingkaran kaunterparti yang dengannya Dana mengurus niaga, yang boleh mengakibatkan kerugian besar kepada Dana.

Risiko Kadar Faedah & Kredit

Dana dibenarkan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap. Sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko turun naik kadar faedah dan risiko kredit, seperti risiko keingkaran oleh penerbit. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap adalah tertakluk kepada perubahan buruk dalam keadaan kewangan penerbit, atau dalam keadaan ekonomi am, atau kedua-duanya sekali, atau kenaikan kadar faedah yang di luar jangkaan, yang boleh menjejaskan kemampuan penerbit untuk membuat bayaran faedah dan pokok, terutamanya jika penerbit berkeumpulan tinggi. Kemampuan penerbit tersebut untuk menunaikan

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

obligasinya juga boleh terjejas oleh ramalan perniagaan tertentu yang diunjurkan, atau ketiadaan pembiayaan tambahan. Kelembapan ekonomi atau kenaikan kadar faedah juga boleh meningkatkan potensi keingkaran oleh penerbit-penerbit sekuriti ini.

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko dan kawalan pematuhan untuk mengurus risiko-risiko:

a) Pematuhan Sebelum Perdagangan

Di mana-mana yang mungkin, semua aktiviti-aktiviti Instrumen Kewangan Derivatif (FDI) dan pendedahan-pendedahan diawasi dengan suatu system pematuhan sebelum perdagangan bagi kesemua perniagaan itu. Peraturan-peraturan dan garis panduan ditetapkan dalam sistem supaya pelanggaran yang mungkin berlaku boleh dikenal pasti sebelum suatu perdagangan dibuat. Satu proses "escalate" dibuat untuk memastikan bahawa parti-parti yang terlibat diberitahu apabila suatu isu buruk berpotensi menjadi.

b) Risiko Portfolio

Pengurus Dana akan menggunakan teknik kuantitatif untuk mengenal pasti kesesuaian menggunakan FDI. Kumpulan pelaburan akan menggunakan beberapa cara untuk membina portfolio dan mengendalikan analisis risiko yang melibatkan sifar-sifat risiko/pulangan. Kumpulan pelaburan akan mengenal pasti, mengurus dan mengawas risiko pelaburan dengan matlamat mencapai objektif Subdana.

c) Risiko Kounterparti

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko kredit dan prosedur kawalan untuk menaksir, mengawas dan lingkungan kredit dan risiko kounterparti bagi semua kelas aset dan bes pelanggan. Kajian semula kounterparti dibuat selalu untuk mentaksir mana-mana perubahan dalam nilai kredit dan kemampuan untuk mencapai kewajipan kontraknya.

d) Risiko Kesilapan

Tambahan pula, Pengurus Dana mempunyai kumpulan risiko pelaburan bebas yang bekerja dengan setiap kumpulan pelaburan untuk memastikan bahawa semua kawalan risiko yang perlu dan metrik risiko ditempatkan. Kumpulan risiko pelaburan akan membuat laporan kepada jawatankuasa daerah yang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap unit perniagaan menjalankan operasi mengikut polisi pengurusan risiko dan rangkaian yang disediakan.

Pengurus Dana akan memastikan bahawa pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil adalah mencukupi dan ia mempunyai kepakaran untuk mengawal dan mengurus risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan FDI.

Pengurus Dana mungkin menukarkan pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil dari masa ke semasa untuk kebaikan Subdana.

PRULink Dragon Peacock Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none">• Pelabur yang mencari nilai modal yang tinggi.• Daya toleransi risiko tinggi.• Pengalaman pelaburan dalam jangka masa panjang.
<ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.• Harga unit bagi dana PRULink Global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRULink Global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Syarikat akan menilai dana-dana PRULink Global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana PRULink Global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana PRULink Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembedaan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
<ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana PRULink Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRULink Global. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>